

**BMF:  
Hanya PM  
berhak  
buat  
kenyataan  
Ongkili**  
UM 10 DEC 1985

KUALA LUMPUR 9 Dis. —

Menteri Kehakiman, Datuk Dr. James Ongkili hari ini berkata, hanya Perdana Menteri, Datuk Sri Dr.

Mahathir Mohamad sahaja berhak memberi pandangan dan membuat kenyataan terbuka mengenai skandal 23 bulan Bumiputra Malaysia Finance (BMF) yang melibatkan pinjaman \$2.5 bilion.

Ini, katanya, dikhuatiri pandangan-pandangan yang diajukan oleh beliau mengenai skandal itu nanti bercanggah dengan dasar kerajaan memandangkan skandal MBF itu melibatkan soal dasar.

Datuk James Ongkili yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri, juga enggan mengulas sama ada mereka yang terlibat dalam skandal BMF dan masih ditahan untuk dibicarakan di Hong Kong akan diseret ke mahkamah di sini untuk dikenakan berbagai tuduhan.

Beliau juga enggan menjelaskan perkembangan terakhir mengenai dua orang lagi yang dicari oleh pihak berkuasa Malaysia dan Hong Kong, Dr. Rais Saniman dan Encik Ibrahim Jaafar yang dikatakan terlibat dalam skandal pinjaman BMF itu.

Ketika ditemui di Parlimen hari ini beliau berkata skandal BMF adalah di luar bidang kuasa beliau dan sebagai Menteri Kehakiman beliau hanya bertanggungjawab terhadap kes-kes mahkamah sahaja.